

Tingkatkan program elak ketirisan - SPRM

KUANTAN 28 Sept. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan meningkatkan pelbagai program bagi memastikan kepelbagaian hasil bumi yang terdapat di negeri ini terus dijaga dan tidak berlaku ketirisan.

Pengarah SPRM negeri, Datuk Alias Salim berkata, selain bahan mineral bauksit, negeri ini kaya dengan hasil bumi seperti hutan dan kelapa sawit.

"Fokus kita untuk mengurangkan ketirisan supaya hasil bumi yang ada adalah untuk negeri ini dan kebajikan rakyat secara keseluruhannya.

"Pelaksanaan program seperti Ikrar Bebas Rasuah (IBR) antara pendekatan terbaik dilaksanakan SPRM bagi memastikan fokus berkenaan dapat dicapai," katanya dalam Majlis IBR bersama Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), di sini semalam.

Yang hadir sama Yang Dipertua MPK, Datuk Fadzilla Salleh.

Alias berkata, SPRM ketika ini mengamalkan pendekatan mesra rakyat dengan turun berjumpa masyarakat dan menyampaikan bantuan kepada golongan yang memerlukannya.

"Dalam pendekatan program

mesra rakyat yang dilaksanakan, kita tetap memerangi rasuah," katanya.

Sementara itu, Fadzilla berkata, elemen integriti perlu dibudayakan dalam kalangan kakitangan MPK bagi memastikan hasrat untuk melahirkan generasi berilmu dan berakhlak mulia menjadi satu kenyataan.

"IBR yang dilafazkan ini harus disemat ke dalam hati dan diaplikasikan dalam menjalankan tugas seharian di samping menyebarkan mesej antirasuah kepada kakitangan di bawah seliaan masing-masing," katanya.



FADZILLA SALLEH (tujuh dari kiri) menyerahkan IBR kepada **Alias Salim** (empat dari kanan) dalam Majlis IBR bersama MPK di Kuantan, Pahang, kelmarin. - **UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN**

*Utusan Malaysia
29.09.2017*